

# ANALISIS KEPERLUAN TERHADAP PEMBANGUNAN MODUL BACAAN AWAL KAEDAH FONIK (MOBAFIK) BAHASA MELAYU DI PRASEKOLAH ALIRAN CINA

## *NEEDS ANALYSIS FOR THE DEVELOPMENT OF MALAY LANGUAGE PHONICS EARLY READING MODULE (MOBAFIK) IN CHINESE PRESCHOOL*

Thang Yin Fong<sup>1</sup>  
Zaharah Binti Osman<sup>2</sup>  
Adenan Bin Ayob<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara,

<sup>2</sup>Universiti Pendidikan Sultan Idris

### Article history

Received date : 14-1-2022  
Revised date : 15-1-2022  
Accepted date : 3-3-2022  
Published date : 1-4-2022

### To cite this document:

Fong, T. Y., Osman, Z., & Ayob, A. (2022). Analisis Keperluan Terhadap Pembangunan Modul Bacaan Awal Kaedah Fonik (MOBAFIK) Bahasa Melayu Di Prasekolah Aliran Cina. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 5(14), 62 - 71.

**Abstrak:** Artikel ini menjelaskan analisis keperluan terhadap pembangunan Modul Bacaan Awal Kaedah Fonik (MOBAFIK) Bahasa Melayu di Prasekolah aliran Cina. Analisis keperluan diteliti ke atas tiga aspek, iaitu: (i) matlamat pengajaran; (ii) murid prasekolah dan (iii) perkembangan pembelajaran. Pengumpulan data dilakukan melalui reka bentuk kuantitatif dengan persampelan bola saji sebanyak 3 orang guru. Senarai soal selidik Likert empat mata dibekalkan untuk pengumpulan data mengikut aspek analisis keperluan. Dapatan data ke atas (i) matlamat pengajaran, 93.8%; (ii) murid prasekolah, 87.5% dan (iii) perkembangan pembelajaran, 75% dengan keseluruhannya 85.4% menandakan pencapaian pada tahap cemerlang. Hasil digunakan untuk merancang dan mereka bentuk modul pada langkah kemudiannya. Harapan dapat menghasilkan Modul MOBAFIK Bahasa Melayu yang bermatlamat tepat, sasaran yang bermotivasi dan kelancaran pelaksanaan pada sesi pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, pentaksiran yang berperingkat agar pembelajaran lebih berkesan dan efisien serta memotivasikan pengajaran kemahiran berbahasa dan pembelajaran kemahiran membaca dalam kalangan murid prasekolah aliran Cina.

**Kata kunci:** Analisis Keperluan, Matlamat Pengajaran, Murid Prasekolah, Perkembangan Pembelajaran

**Abstract:** This article explains the needs analysis for the development of the Malay Language Phonics Early Reading Module (MOBAFIK) in Chinese Preschools. Needs analysis is examined on three aspects, namely: (i) teaching goals; (ii) preschool students and (iii) learning development. Data collection was done through a quantitative design with sampling of 3 teachers. A list of four -point Likert questionnaires was provided for data collection according to the needs analysis aspect. Data findings on (i) teaching goals, 93.8%; (ii) preschool pupils,

87.5% and (iii) learning development, 75% with a total of 85.4% marking achievement at an excellent level. The results are used to plan and design the module at a later step. The hope is to produce a Malay MOBAFIK Module with precise goals, motivated targets and smooth implementation in teaching and learning sessions. In addition, staged assessment to make learning more effective and efficient as well as to motivate the teaching of language skills and learning of reading skills among Chinese preschool students.

**Keywords:** Needs Analysis, Teaching Goals, Preschool Students, Learning Development

---

## Pengenalan

Kebolehan membaca adalah suatu kemahiran asas yang harus dikuasai oleh setiap murid sejak awal usia. Naimah Yusoff, Nor Hashimah Hashim dan Hashim Othman (2011) menyokong bahawa kemahiran membaca adalah sangat penting kerana dapat membantu murid-murid untuk merangsang rasa ingin tahu, menimbulkan rasa seronok, membentuk sikap positif terhadap aktiviti membaca dan melatih daya ingatan murid-murid dengan pendedahan pada peringkat pendidikan awal agar membantu murid-murid memperoleh perkembangan bahasa secara efektif dan efisien.

Faizah Ja'apar (2017) menjelaskan bahawa penggunaan bahan bantu dalam bentuk elektronik atau bukan elektronik merupakan bahan sokongan yang dapat meningkatkan kefahaman murid-murid, mengekalkan minat belajar dan dapat menjelaskan mesej yang ingin disampaikan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (Aliza & Zamri, 2015).

Kajian ini adalah untuk menjelaskan analisis keperluan bagi membangunkan Modul Bacaan Awal Kaedah Fonik (MOBAFIK) Bahasa Melayu menerusi Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kuirkulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) semakan 2017 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016).

## Pernyataan Masalah

Juppri Bacotang, Zainiah Mohd Isa, Mazlina Che Mustafa, Mahzan Arshad, & Ainon Omar (2016) menjelaskan bahawa strategi, kaedah yang sistematik dan teknologi yang digunakan bagi tujuan untuk memudahkan murid menguasai objektif yang dikehendaki dalam aspek reka bentuk pengajaran. Pembangunan model pengajaran berkhusus dan berkesan membolehkan seseorang murid memperoleh kemahiran, pengetahuan dan sikap positif yang diinginkan.

Menurut Kamarudin Husin (1998), pembelajaran berasaskan minat, umur, kecenderungan, keupayaan mental, emosi dan sosial murid. Kandungan perlu mengikut peringkat, disusun atur dan disampaikan mengikut keperluan. Keadaan ini perlu mengambil kira prinsip-prinsip pembelajaran yang lain melibatkan pergerakan daripada yang mudah kepada yang lebih kompleks, daripada dalam pengalaman kepada luar pengalaman, daripada yang dekat kepada yang jauh, daripada yang konkrit kepada yang abstrak dan sebagainya. Prinsip pembelajaran ini dinamakan prinsip ansur maju.

Kekurangan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang bersesuaian dengan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid prasekolah terutama aliran Cina. Tambahan lagi, bahan bantu mengajar di pasaran tidak dikategorikan dan kurang berkhusus serta terperinci pada matlamat DSKP, KSPK semakan 2017 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016).

### Objektif Kajian

Kajian ini berobjektif menganalisis keperluan bagi pembangunan Modul MOBAFIK Bahasa Melayu. Analisis keperluan dilakukan bagi mengenal pasti keperluan sebelum modul dibangunkan dan dinilai kesahan dalam fasa seterusnya (Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy DeWitt, & Zaharah Hussin, 2013).

Dalam kajian ini, analisis keperluan berdasarkan soalan-soalan berikut:

- (i) Apakah kepentingan murid dalam mempelajari kemahiran membaca Bahasa Melayu?
- (ii) Apakah kemahiran yang diperlukan dalam memenuhi kepentingan dan keperluan murid dalam kemahiran membaca Bahasa Melayu?
- (iii) Apakah bahan-bahan rujukan yang bersesuaian dalam Bahasa Melayu bagi tujuan menerapkan kemahiran membaca Bahasa Melayu?
- (iv) Siapakah murid yang akan mempelajari modul dan latar belakang pengetahuan sedia murid?
- (v) Bagaimanakah bentuk metodologi pengajaran yang berkesan diperlukan dalam proses pembelajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu?
- (vi) Bagaimanakah aktiviti yang diperlukan sebagai pengukuhan kemahiran membaca Bahasa Melayu?
- (vii) Bagaimanakah bentuk penilaian untuk menguji kemahiran membaca Bahasa Melayu yang dipelajari?

### Metodologi

Reka bentuk kajian ini dengan kaedah tinjauan berbentuk kuantitatif. Senarai Soal Selidik Likert Empat Mata Analisis Keperluan kepada tiga orang penilai secara persampelan bola saji mengikut aspek-aspek analisis keperluan.

### Dapatan Kajian

Pengkaji mengupas analisis keperluan kepada tiga aspek, iaitu (i) matlamat pengajaran bertujuan memperkembangkan potensi murid-murid untuk meningkatkan tahap penguasaan kemahiran, memupuk sikap keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif agar murid prasekolah menyesuaikan diri pada persekitaran dan bertanggungjawab untuk menangani cabaran di sekolah rendah kelak; (ii) murid prasekolah yang terdiri daripada individu berumur empat hingga lima tahun ke atas dan (iii) perkembangan pembelajaran yang positif bagi murid prasekolah. Persekitaran dalam keadaan yang selamat. Aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna serta bersedia untuk menghadapi cabaran dan mengikuti pembelajaran seterusnya ekoran daripada matlamat menerusi DSKP, KSPK semakan 2017 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016).

Jadual 1 menyatakan empat skala penentuan tahap pencapaian keseluruhan ke atas data dapatan ekoran Soal Selidik Likert Empat Mata Analisis Keperluan.

**Jadual 1: Skala Penentuan Tahap Pencapaian**

Tahap	Belum mencapai tahap	Memuaskan	Baik	Cemerlang
	1	2	3	4
Peratusan	0-25%	26-50%	51-74%	75-100%

Soal Selidik Likert Empat Mata Analisis Keperluan mengikut aspek (i) Matlamat Pengajaran ekoran soalan seperti Jadual 2 berikut.

**Jadual 2: Senarai Soal Selidik Likert Empat Mata Aspek Matlamat Pengajaran**

(i)	Matlamat Pengajaran	Item-item	Panel				Tahap Pencapaian	
			1	2	3	%	Pengertian	
	memperkembangkan potensi secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial	(a)	Objektif kemahiran membaca Bahasa Melayu (KSPK)	4	4	4	100	Cemerlang
		(b)	Kemahiran yang diperlukan dalam penguasaan kemahiran Bahasa Melayu (DSKP)	4	4	4	100	Cemerlang
		(c)	Isi kandungan dan pelajaran dirancang dan disusun dengan sistematik mengikut keperluan	4	4	4	100	Cemerlang
		(d)	Dokumen rasmi dan bahan rujukan yang bersesuaian	3	3	3	75	Cemerlang
<b>JUMLAH</b>						<b>93.8</b>	<b>Cemerlang</b>	

Jadual 2 di atas menunjukkan data-data pada Senarai Soal Selidik Likert Empat Mata Aspek Matlamat Pengajaran. Sebanyak tiga soalan diperincikan daripada aspek (i) Matlamat

Pengajaran ekoran daripada tiga soalan.

Soalan (i) Apakah kepentingan murid dalam mempelajari kemahiran membaca Bahasa Melayu? Item (a) objektif kemahiran membaca Bahasa Melayu KSPK 100%.

Soalan (ii) Apakah kemahiran yang diperlukan dalam memenuhi kepentingan dan keperluan murid dalam kemahiran membaca Bahasa Melayu? Item (b) kemahiran yang diperlukan dalam penguasaan kemahiran Bahasa Melayu DSKP 100% serta Item (c) isi kandungan dan pelajaran dirancang dan disusun dengan sistematik mengikut keperluan 100%.

Soalan (iii) Apakah bahan-bahan rujukan yang bersesuaian dalam Bahasa Melayu bagi tujuan menerapkan kemahiran membaca Bahasa Melayu? Item (d) dokumen rasmi dan bahan rujukan yang bersesuaian mencapai 75%. Keseluruhan tahap pencapaian pada aspek matlamat pengajaran pada tahap cemerlang (93.8%).

Jadual 3 selaku Soal Selidik Likert Empat Mata Analisis Keperluan mengikut aspek (ii) Murid Prasekolah ekoran soalan-soalan berikut.

**Jadual 3: Senarai Soal Selidik Likert Empat Mata Aspek Murid Prasekolah**

Analisis Keperluan		Panel				Tahap Pencapaian
(ii) Murid Prasekolah	Item-item	1	2	3	%	Pengertian
berumur empat tahun hingga lima tahun ke atas	(e) Murid yang akan mempelajari modul secara bimbingan dan tanpa bimbingan	4	4	4	100	Cemerlang
	(f) Perbezaan ciri-ciri personaliti murid	3	3	3	75	Cemerlang
<b>JUMLAH</b>					<b>87.5</b>	<b>Cemerlang</b>

Aspek keperluan (ii) Murid Prasekolah berdasarkan Soalan (iv) Siapakah murid yang akan mempelajari modul dan latar belakang pengetahuan sedia murid? Item (e) sasaran yang akan mempelajari modul secara bimbingan dan tanpa bimbingan dengan penglibatan 100% serta item (f) perbezaan ciri-ciri personaliti murid 75%. Keseluruhannya 87.5% turut mencapai tahap cemerlang.

Jadual 4 selaku Soal Selidik Likert Empat Mata Analisis Keperluan mengikut aspek (iii) Perkembangan pembelajaran ekoran soalan-soalan berikut.

**Jadual 4: Senarai Soal Selidik Likert Empat Mata Aspek Perkembangan Pembelajaran**

Analisis Keperluan		Panel				Tahap Pencapaian
(iii) Perkembangan Pembelajaran	Item-item	1	2	3	%	Pengertian
yang positif, keadaan yang selamat, menyeronokkan, kreatif dan bermakna serta bersedia untuk menghadapi cabaran dan mengikuti pembelajaran seterusnya	(g) Proses pengajaran berpandukan bahan berbentuk elektronik dan bukan elektronik	3	3	3	75	Cemerlang
	(h) Pendekatan dan kaedah serta perancangan pengajaran kemahiran Bahasa Melayu	3	3	3	75	Cemerlang

(i)	Aktiviti pembelajaran yang mudah kepada yang sukar serta beransur maju	3	3	3	75	Cemerlang
(j)	Bentuk penilaian untuk mentaksir penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu yang dipelajari	3	3	3	75	Cemerlang

**JUMLAH**

**75.0 Cemerlang**

Jadual 4 menjelaskan aspek keperluan ketiga merupakan perkembangan pembelajaran. Perkembangan pembelajaran yang positif, keadaan yang selamat, aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna serta bersedia untuk menghadapi cabaran dan mengikuti pembelajaran Soalan (v) Bagaimanakah bentuk metodologi pengajaran yang berkesan diperlukan dalam proses pengajaran Bahasa Melayu? Item (g) proses pengajaran berpandukan bahan berbentuk elektronik dan bukan elektronik 75%.

Soalan (vi) Bagaimanakah aktiviti yang diperlukan sebagai pengukuhan kemahiran membaca Bahasa Melayu? Item (h) pendekatan dan kaedah serta perancangan pengajaran kemahiran Bahasa Melayu 75%. Item (i) Aktiviti pembelajaran yang mudah kepada yang sukar serta beransur maju 75%, dan Item (j) bentuk penilaian untuk mentaksir penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu yang dipelajari 75%. Keseluruhannya 75% menjelaskan tahap pencapaiannya pada cemerlang.

Pencapaian Analisis Keperluan oleh tiga orang penilai ekoran daripada ketiga-tiga aspek keperluan (i) Matlamat Pengajaran, 93.8%; (ii) Murid, 87.5% dan (iii) Perkembangan pembelajaran, 75% dengan keseluruhannya 85.4% bermaksud aspek analisis keperluan diterima pada tahap mengikut soalan-soalan.

### **Perbincangan Dan Cadangan**

Analisis keperluan yang dianalisiskan dibincangkan kepada tiga aspek seperti berikut:

#### **(i) Matlamat Pengajaran**

Matlamat pengajaran agar memperkembangkan potensi secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

Habibah @ Artini Ramlie, Norshahrul Marzuki Mohd Nor, Wan Muna Ruzanna Wan Mohd, & Saifulazy Mokhtar, 2020 menjelaskan bahawa guru menggunakan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran seperti yang dicadangkan dalam KSPK semakan 2017 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016) agar kemahiran membaca dapat membolehkan murid membaca bahan yang bertulis serta bercetak di samping memahami maksud ayat-ayat yang dibaca atau perkataan yang disebut. Kemahiran berbahasa ini akan dikuasai apabila



dilengkapkan dengan aktiviti yang menyeronokkan murid seperti bercerita, main peranan, permainan bahasa dan lawatan. Strategi yang berkesan sangat penting bagi memantapkan pengajaran dan pembelajaran agar dapat membantu guru dalam melaksanakan pengajaran dan meningkatkan tahap pencapaian dan penguasaan murid secara optimum serta menggalakkanelibatan murid secara aktif serta memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran yang menarik, bermakna dan berkesan.

### **(ii) Murid Prasekolah**

Murid Prasekolah berumur empat tahun hingga lima tahun ke atas mempelajari modul secara bimbingan dan tanpa bimbingan disebabkan perbezaan ciri-ciri personaliti dalam aspek analisis agar sasaran yang ditunjukkan jelas dan berfokus.

Rujukan daripada John Dewey (1956) menegaskan bahawa kurikulum dan sekolah berciri-ciri (i) menghormati kanak-kanak termasuk minat mereka; (ii) mementingkan pembelajaran melalui pengalaman sebenar; (iii) pembelajaran perlu dilaksanakan melalui pengalaman dan eksperimen; (iv) merancang dan menggunakan pendekatan berpusatkan murid; (v) melibatkan murid secara aktif dalam aktiviti sebenar; (vi) merancang pengajaran dan pembelajaran yang dapat mengintegrasikan tunjang dan pengalaman murid serta menggalakkan aktiviti penyelesaian masalah dan pemikiran kritis. (Kementerian Pendidikan Malaysia, November 2016).

### **(iii) Perkembangan Pembelajaran**

Perkembangan pembelajaran yang positif, keadaan yang selamat, menyeronokkan, kreatif dan bermakna serta bersedia untuk menghadapi cabaran dan mengikuti pembelajaran seterusnya Friedrich Froebel (1782-1852) bersetuju bahawa pembelajaran ke atas kanak-kanak perlu mewujudkan (i) persekitaran yang selamat, menarik minat dan terkawal; (ii) menggunakan pendekatan belajar sambil bermain; (iii) menyediakan aktiviti *hands on*; (iv) merancang pelbagai aktiviti yang dapat memupuk perkembangan mental, fizikal dan sosial murid; (v) mementingkan keperluan dan keupayaan murid; (vi) merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran berdasarkan minat murid. (Kementerian Pendidikan Malaysia, November 2016). Tambahan pula, kajian Che Nidzam Che Ahmad, Noraini Mohamed Noh, Mazlini Adnan, Marzita Putih dan Mohd Hairy Ibrahim (2016) menjelaskan perkembangan pembelajaran yang selamat, aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna serta menyuburkan pembelajaran murid.

Kajian Melvina Chung Hui Ching, Norazah Mohd Nordin, Jamaludin Badusah dan Nawal Mustafa (2016) yang menyatakan aspek keperluan termasuklah (i) minat murid; (ii) aktiviti pengajaran dan pembelajaran; (iii) masalah pembelajaran murid dan (iv) kandungan perisian pengajaran dan pembelajaran yang akan dibina. Pengkaji memperincikan matlamat pengajaran dalam kajian dengan objektif dan kemahiran membaca Bahasa Melayu serta kandungan yang disusun dengan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dengan perkembangan pembelajaran murid prasekolah.

Di samping itu kajian Ummu Nasibah Nasohah, Muhammad Izuan Abd Gani, Nazipah Mat Shaid @ Md Shaid (2015) menjelaskan aspek analisis dilakukan dalam proses mereka bentuk modul pengajaran mengikut fasa ADDIE. Antaranya termasuklah analisis perkembangan pembelajaran murid, analisis terhadap ciri-ciri murid, tahap penguasaan kemahiran atau pengetahuan sedia ada, pengenalan masalah dalam pembelajaran dan matlamat pengajaran dan sebagainya.

Dalam kajian, Modul MOBAFIK Bahasa Melayu yang bermatlamat tepat, sasaran yang bermotivasi dan kelancaran pelaksanaan serta pentaksiran yang berperingkat mampu menjadikan pembelajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu lebih berkesan dan efisien dalam kalangan murid prasekolah, khasnya aliran Cina.

Pengkaji akan melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran secara beransur maju melalui kaedah dan aktiviti. Di samping itu, pentaksiran formatif dari semasa ke semasa untuk mengukuh tahap penguasaan kemahiran diaturkan dalam Modul MOBAFIK Bahasa Melayu diaturkan agar murid belajar dalam keadaan selamat, menyeronokkan demi aktiviti berperingkat.

### Penutup

Keseluruhannya, analisis keperluan bagi pembangunan Modul MOBAFIK adalah lengkap dan sistematik kerana mengaplikasikan tiga aspek, iaitu matlamat pengajaran dan murid serta perkembangan pembelajaran ekoran dengan Matlamat Prasekolah KSPK semakan 2017 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016). Guru prasekolah menyiapkan diri dengan persediaan lengkap dan lebih efektif dalam proses pengajaran agar murid memperoleh pembelajaran yang menyeronokkan. Tindakan ini dapat meningkatkan kreativiti guru dalam mempelbagaikan penggunaan bahan bantu mengajar dan kaedah pengajaran mengikut kesesuaian murid prasekolah dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

### Rujukan

- Aliza Ali & Zamri Mahamod. (2015). Analisis Keperluan Terhadap Pengguna Sasaran Modul Pendekatan Berasaskan Bermain Bagi Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Kanak-Kanak Prasekolah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(1)(<https://juku.um.edu.my/issue/view/1056>), 1-8.
- Aliza Ali & Zamri Mahamod. (2015). Modul Pengajaran dan Pembelajaran untuk Meningkatkan Keprofesionalan Guru Prasekolah Melaksanakan Kurikulum Berpusatkan Murid dan Berasaskan Standard. *ASEAN Comparative Education Research Network Conference 2015*, (pp. 277-293). Malaysia.
- Anuar Ahmad dan Nelson Jinggan. (April 2015). Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru Dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* , 1-11.
- Bahagian Pendidikan Khas. (2012). *Buku Panduan Malaysia Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Program Pemulihan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Chau Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGrawhill Education.
- Che Nidzam Che Ahmad, Noraini Mohamed Noh, Mazlini Adnan, Marzita Putih & Mohd Hairy Ibrahim. (2016, Februari 22). *Pengaruh Persekitaran Fizikal Bilik Darjah Terhadap Tahap Keselesaan Pengajaran dan Pembelajaran*. Retrieved from [https://www.researchgate.net/publication/294886469\\_PENGARUH\\_PERSEKITARAN\\_FIZIKAL\\_BILIK\\_DARJAH\\_TERHADAP\\_TAHAP\\_KESELESAAN\\_PENGAJARAN\\_DAN\\_PEMBELAJARAN](https://www.researchgate.net/publication/294886469_PENGARUH_PERSEKITARAN_FIZIKAL_BILIK_DARJAH_TERHADAP_TAHAP_KESELESAAN_PENGAJARAN_DAN_PEMBELAJARAN).
- Faizah Ja'apar. (2017). *Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Di Sekolah Menengah Kebangsaan (Smk) Daerah Pontian*. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Habibah @ Artini Ramlie, Norshahrul Marzuki Mohd Nor, Wan Muna Ruzanna Wan Mohd & Saifulazy Mokhtar. (2020). Analisis Kandungan Kemahiran Bahasa Melayu Dalam Kurikulum Prasekolah Di Malaysia. *PENDATA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 46-67.



- Hanifah Sabin, Vincent Pang, & Muhammad Idris Bullare@Bahari. (2019). Modul Membaca Awal Prasekolah Menggunakan Nyanyian Berasaskan Teori Psikolinguistik Kognitif dan Aplikasi Kaedah Belajar melalui Bermain. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 44(1), 45-58.
- Juppri Bacotang, Zainiah Mohd Isa, Mazlina Che Mustafa, Mahzan Arshad & Ainon Omar. (2016). Aplikasi Model ADDIE Dalam Pembangunan Modul Literasi Awal (Modul Kit-A) Untuk Awal Kanak-kanak. *JPBU Edisi Khas*, 1-10.
- Kamaruddin Husin. (1994). *Pedagogi Bahasa (Edisi ke-7)*. Selangor Darul Ehsan: Longman Malaysia.
- Kamarudin Husin dan Siti Hajar Abdul Aziz. (1998). *Pengajian Melayu 5 dan 6: Pemulihan dan Pengayaan, Pengurusan Sumber Budaya dan Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Pusat Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2016). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan KSPK*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, . (2010). *Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Pusat Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (November 2016). *Buku Panduan Guru, Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan semakan 2017*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Khairuddin Nisa. (n.d.). Rekabentuk Instruksional Berdasarkan Model ADDIE : Analisis Kajian di Emporia State University Korea Selatan dan Universiti Teknologi Malaysia. *Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris*.
- Kjeldsen, A. C.; Niemi. P., Olofsson. A. (2003 Vol.13). "Training Phonological Awareness in Kindergartens Level Children: Consistency is More Important than Quantity". *The Journal of the European Association for Research on Learning and Instruction*, 349-365.
- Melvina Chung Hui Ching, Norazah Mohd Nordin, Jamaludin Badusah, Nawal Mustafa. (2016). *Analisis Keperluan Terhadap Pembangunan M-Edutainment Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah*. Retrieved Ogos 22, 2020, from <https://sted18.files.wordpress.com/2016/12/2-18-melvina-chung-hui-ching-norazah-mohd-nordin-jamaludin-badusah-nawal-mustafa.pdf>.
- Mok Soon Sang. (1990). *Pemulihan, Pengayaan dan Isi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Munir, Halimah Badioze Zaman. (1999). Aplikasi Multimedia Dalam Pendidikan. *Jurnal Bahagian Teknologi Pendidikan Bil.1*.
- Naimah Yussof, Nor Hashimah Hashim, Hashim Othman. (2011). *Kemahiran Bacaan Awal Bahasa Melayu Prasekolah*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Noratiqah Satari, Hasnah Toran & Suziyani Mohamed. (2017). Aplikasi Modul Membaca Fonik Khas Dalam Kalangan Murid Yang Mengalami Autisme. *Simposium Pendidikan di Peribadikan: Perspektif Risale-I Nur (SPRiN2017)*, 558-562.
- Nurul Haniza Samsudin. (2017). *Penggunaan Kit Asas Membaca Bahasa Melayu Untuk Kanak-kanak Pemulihan*. Kuala Lumpur: (tesis Phd Universiti Malaysia tidak diterbitkan).
- Raminah Sabrah & Rahim Syam. (1985). *Kaedah Pengajian Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Ramlah Jantan, Nor Afni Resad & Siti Fathimah Az-Zahra Mohd. Fauzi. (2016). Aktiviti Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Prasekolah Di Daedah Gombak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Jilid 5*, 19-29.

- Rohaty Mohd Majzub. (2003). *Pendidikan prasekolah: Cabaran kualiti*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy DeWitt, & Zaharah Hussin. (2013). *Design and developmental research: Emergent trends in educational research*. Kuala Lumpur: Pearson, Malaysia.
- Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad. (2005). *Pembinaan Modul: Bagaimana Membina Modul Latihan Dan Modul Akademik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod, Nik Mohd, Rahimi Yusoff, & Jamaludin Badushah. (2010). Masalah Membaca Murid-Murid Sekolah Rendah Kerajaan di Brunei Darussalam: Satu Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35 (2), 77-85.
- Ummu Nasibah Nasohah, Muhammad Izuan Abd Gani, Nazipah Mat Shaid @ Md Shaid. (2015, February 4-5). Model Addie Dalam Proses Reka Bentuk Modul Pengajaran: Bahasa Arab Tujuan Khas Di Universiti Sains Islam Malaysia Sebagai Contoh. *Proceedings of the International Seminar on Language Teaching ISeLT 2015*.
- Zainiah @ Zaniah Mohamed Isa & Juppri Bacotang. (01 Disember 2014). Kemahiran Literasi Awal Bagi Kanak-kanak TASKA. *Seminar Kebangsaan Pendidikan Awal Kanak-kanak 2014* (pp. 1-15). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.